

# MCA sokong kuota bukan Bumiputera ke matrikulasi

BM - 3 JUN 2002

KUALA LUMPUR, Ahad - MCA menyifatkan keputusan kerajaan membenarkan kuota 10 peratus kemasukan pelajar bukan Bumiputera mengikut kursus pengajian matrikulasi di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) sebagai langkah bijak dalam usaha mengukuhkan hubungan pelbagai kaum di negara.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Ling Sik, berkata kemasukan pelajar bukan Bumiputera memberi peluang kepada mereka untuk belajar dan bergaul bersama Bumiputera, sekali gus mampu meningkatkan perpaduan nasional.

"Saya berpendapat langkah

itu bijak demi kepentingan penduduk di negara ini. Universiti di Singapura juga mengamalkan langkah sama dengan mengambil pelajar pelbagai kaum.

"Saya secara peribadi menyifatkan ia sebagai sejarah dan langkah wajar dalam usaha memupuk hubungan erat antara pelbagai kaum di negara ini dan membantu pelajar bukan Bumiputera mengambil kursus matrikulasi," katanya selepas menyampaikan sijil tamat pengajian Institut CECE, di sini hari ini.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah Institut CECE Sdn Bhd, Datuk Leong Tang Chong.

Seramai 173 orang termasuk 11 Orang Asli menerima sijil tamat pengajian itu selepas mengikuti kursus pendidikan awal kanak-kanak di institut terbabit.

Jumaat lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan keputusan kerajaan memperuntukkan 10 peratus kuota kemasukan pelajar bukan Bumiputera ke MRSM.

Kini ada 32 MRSM yang berkonsepkan sekolah berasrama penuh di seluruh negara yang dikendalikan Mara dengan pengambilan 3,000 hingga 4,000 pelajar setahun.

Sementara itu, Dr Ling berkata, MCA melalui Institut

CECE akan melatih lebih ramai pelatih Orang Asli untuk menjadi tenaga pengajar bagi kelas prasekolah, pada masa depan.

MCA akan menyumbangkan RM50,000 kepada Institut CECE untuk membantu melatih dan melahirkan lebih ramai pelatih Orang Asli.

Katanya, wang itu juga dapat digunakan untuk membeli pelbagai kelengkapan sekolah untuk Orang Asli di beberapa kawasan seperti di Bidor, Tapah dan Kampar, Perak.

"Saya fikir dengan tenaga pengajar terlatih itu, kita meningkatkan tahap pendidikan Orang Asli sehingga ke peringkat lebih tinggi," katanya.